Menangani COVID-19: Perkembangan Risiko pada Separuh Pertama 2020

7 Risiko Pasaran
10 Risiko Kredit
19 Risiko Operasi
23 Rencana: Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan

Menangani COVID-19: Perkembangan Risiko pada Separuh Pertama 2020

RISIKO PASARAN

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun volatiliti pasaran ketara

Perkembangan berkaitan pandemik COVID-19, bersama-sama dengan ketidakpastian tentang kesan langkah-langkah dasar untuk menangani COVID-19, ketegangan geopolitik yang berterusan dan harga minyak yang turun naik menyebabkan keadaan kewangan global menjadi semakin ketat pada bulan Mac dan April 2020. Pada peringkat domestik, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)[1] untuk membendung penyebaran COVID-19 dan keadaan permintaan luaran yang lemah telah menyebabkan penguncupan aktiviti ekonomi dan seterusnya meningkatkan tahap tekanan terhadap pasaran domestik pada ST1 2020. Campur tangan dasar Bank Negara Malaysia (Bank) berfungsi untuk memelihara keadaan pasaran pertukaran asing, bon dan wang yang secara amnya kekal teratur semasa tempoh ini, dengan keadaan yang kembali normal pada akhir ST1 2020. Operasi pasaran terbuka Bank, termasuk pembelian sekuriti kerajaan, telah membantu membendung potensi gangguan pasaran dan meredakan volatiliti berlebihan dalam pasaran bon. Langkah ini selanjutnya telah membantu pasaran pulih daripada tempoh volatiliti yang tinggi dan aliran keluar modal yang ketara pada permulaan wabak COVID-19. Pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) juga terus memastikan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong pengantaraan yang berkesan dan keadaan pasaran yang teratur.

Dalam pasaran ekuiti domestik, aliran keluar bukan pemastautin terus dicatatkan dengan jumlah sebanyak RM20.3 bilion (USD4.7 bilion) sehingga akhir bulan Ogos 2020. Hal ini kerana pelabur semakin bimbang akan kesan COVID-19 terhadap ekonomi (Rajah 1.1). Walau bagaimanapun, kesan COVID-19 terhadap harga ekuiti diimbangi oleh penyertaan pelabur runcit domestik yang lebih tinggi dan peningkatan yang memberangsangkan dalam saham penjagaan kesihatan dan teknologi. Yang ketara, pelabur runcit memacu nilai dan jumlah dagangan dalam bursa tempatan, mengatasi pelabur institusi domestik, walaupun aktiviti pengambilan untung kebelakangan ini sejak bulan Ogos telah menyebabkan berlakunya sedikit pembetulan harga. Meskipun volatiliti pasaran telah reda daripada paras tertingginya yang dicatatkan pada bulan Mac, namun volatiliti kekal melebihi paras yang tercatat sebelum krisis kerana pasaran terus sensitif terhadap berita mengenai COVID-19, peningkatan ketegangan perdagangan, dan perkembangan politik tanah air (Rajah 1.2 dan 1.3).

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

[1] PKP telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 oleh Kerajaan sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19.

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Prestasi dan Volatiliti Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI)



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Prestasi dan Volatiliti Indeks ACE FTSE Bursa Malaysia (FBM ACE)



Sumber: Bloomberg

Kadar hasil bon dalam pasaran bon domestik mengalami kenaikan secara mendadak yang sementara, dengan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities, MGS*) 10-tahun dan kadar hasil bon korporat AAA 10-tahun masing-masing meningkat sebanyak 84 mata asas dan 59 mata asas dalam keadaan aliran keluar bukan pemastautin yang ketara (RM22.4 bilion atau USD5.2 bilion) antara bulan Februari dan April. Aliran keluar bukan pemastautin kumulatif yang memuncak pada bulan April 2020 telah berubah arah sejak kebelakangan ini dengan catatan aliran masuk bersih sebanyak RM4.3 bilion (USD1.1 bilion) sehingga akhir bulan Ogos 2020 (Rajah 1.4). Hal ini disebabkan oleh sentimen pelabur global bertukar menjadi bertambah baik dan sokongan pelabur bukan pemastautin, seperti kerajaan dan bank-bank pusat yang terus stabil dalam pasaran bon domestik. Permintaan yang berterusan daripada pelabur domestik untuk bon kerajaan Malaysia disokong oleh langkah-langkah Bank bagi melonggarkan keadaan mudah tunai. Hal ini ditunjukkan oleh purata nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover ratio*) sebanyak 2.4 kali pada tujuh bulan pertama tahun 2020. Walau bagaimanapun, lelongan untuk bon jangka panjang sejak bulan Ogos mencatatkan permintaan yang menurun berikutan masalah penawaran yang berlebihan selepas pembentangan bil rangsangan COVID-19. Bagi pelabur bukan pemastautin, permintaan terhadap bon kerajaan Malaysia mulai pulih sejak bulan Mei, disokong oleh sentimen pasaran yang bertambah baik dan peningkatan spread kadar hasil MGS berbanding dengan Perbendaharaan AS (Rajah 1.5). Seiring dengan dasar monetari yang lebih akomodatif, kadar hasil MGS berkurang secara beransur-ansur berbanding dengan kenaikan kadar hasil yang mendadak pada bulan Mac. Pasaran bon korporat terus berfungsi dengan lancar. Spread kredit untuk kertas AAA 10-tahun kembali normal pada kira-kira 54 mata asas setelah mencapai tahap tertinggi sebanyak 105 mata asas pada bulan April. Terbitan bon korporat bersih juga telah kembali pulih apabila syarikat-syarikat berusaha meningkatkan mudah tunai dengan mengambil manfaat daripada kos peminjaman yang lebih rendah, walaupun terbitan itu kekal di bawah tahap pada tahun 2019 (Januari-Ogos 2020: RM17.8 bilion, Januari-Ogos 2019: RM28.8 bilion). Seperti keadaan tekanan pasaran pada masa lalu, permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik, seperti bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB), penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO), terus memainkan peranan penting bagi memelihara keadaan yang teratur dan menyediakan akses yang berterusan kepada pasaran kredit sepanjang ST1 2020 (untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana Maklumat mengenai 'Kesan COVID-19 terhadap Institusi Kewangan Bukan Bank Sistemik'). Pasaran bon Malaysia yang mendalam dan mudah cair dengan sokongan daripada pelabur yang pelbagai juga akan terus menyokong keadaan pasaran yang teratur.

Dalam tempoh terdekat, volatiliti pasaran kewangan dijangka kekal tinggi. Peningkatan semula jangkitan COVID-19 di beberapa negara akan terus menjejaskan pasaran kewangan dan meningkatkan volatiliti pasaran. Sentimen pelabur juga mungkin menjadi lebih berhati-hati berikutan pendapatan korporat yang lebih rendah daripada jangkaan dan peningkatan ketegangan perdagangan.

Rajah 1.4: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Rajah 1.5: Pasaran Kewangan – Perbezaan Kadar Hasil MGS 10-tahun dengan Kadar Hasil Perbendaharaan AS (UST) 10-tahun



Sumber: Bloomberg

Kesan COVID-19 terhadap Institusi Kewangan Bukan Bank Sistemik

Sewaktu berlakunya wabak COVID-19, beberapa institusi kewangan bukan bank (IKBB) sistemik mengalami peningkatan permintaan mudah tunai berikutan pelaksanaan langkah-langkah bantuan Kerajaan.[2] Meskipun mereka mempunyai pemegangan pelaburan yang ketara dalam pasaran modal, aktiviti mengimbangi semula (*rebalancing activities*) yang dijalankan oleh sesetengah IKBB sebagai tindak balas terhadap keperluan mudah tunai tidak memberikan kesan yang besar terhadap harga aset. Peningkatan keperluan mudah tunai IKBB ditampung terutamanya oleh wang tunai dan aset mudah tunai lain yang sedia ada, berserta aktiviti mengimbangi semula yang pada amnya dilakukan secara teratur. Walaupun penempatan deposit IKBB dalam bank turun seketika pada suku pertama, penurunan ini mempunyai kesan yang terhad terhadap mudah tunai bank kerana bahagian deposit sistem perbankan yang dipegang oleh IKBB sistemik kekal rendah (Jun 2020: 5.3%).

IKBB kekal menjadi peserta utama dalam pasaran kewangan domestik dengan pemegangan pelaburan yang besar, iaitu masing-masing sebanyak 30.5% dan 42.4% dalam permodalan pasaran ekuiti dan terbitan hutang terkumpul. Semasa tempoh penjualan yang tinggi, IKBB terus memberikan sokongan kitaran balas kepada pasaran, seperti keadaan yang berlaku apabila FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) menyusut sebanyak 15% pada suku pertama tahun 2020. Pelaburan IKBB dalam ekuiti turut meningkat berikutan nilai pasaran yang rendah. IKBB sistemik juga memberikan sokongan kepada pasaran bon kerajaan semasa berlaku aliran keluar yang besar oleh bukan pemastautin. Pemegangan saham IKBB dalam bank meningkat dalam tempoh ini, iaitu dari 37% ke 40% daripada permodalan pasaran bank yang tersenarai. Risiko kestabilan kewangan yang berkaitan dengan pemegangan sedemikian kekal rendah berikutan kewangan IKBB yang terus kukuh, ciri pelaburan yang strategik dan berjangka panjang serta kekukuhan keperluan tadbir urus yang dikenakan terhadap institusi kewangan berlesen.

Ketidakpastian yang berterusan mengenai pandemik COVID-19 ini mungkin akan mempengaruhi prestasi pelaburan IKBB pada tahun 2020. Sesetengah IKBB mungkin mengalami pengeluaran atau penebusan yang lebih tinggi oleh pelabur yang lebih sensitif terhadap pulangan pelaburan mereka jika pulangan adalah rendah. Walau bagaimanapun, risiko penebusan oleh pelabur sedemikian dijangka dapat dikurangkan dengan pengambilan risiko secara lebih berhati-hati oleh pelabur dan pulangan yang rendah daripada pelaburan lain dalam persekitaran semasa. IKBB sistemik pada amnya juga terus mengekalkan penampan kewangan mudah tunai yang mencukupi dalam bentuk deposit tunai dan sekuriti hutang kerajaan untuk tujuan memenuhi kemungkinan pengeluaran yang lebih tinggi akibat tekanan dalam tempoh lebih daripada 90 hari.

[2] Langkah-langkah bantuan termasuk penurunan kadar caruman dan kebenaran pengeluaran daripada simpanan persaraan, pengenalan program subsidi upah untuk menggalakkan pengekalan pekerjaan, dan penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan.

RISIKO KREDIT

Keadaan operasi yang lebih lemah menjejaskan kedudukan kewangan sebahagian besar syarikat

Prestasi kewangan syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporate*, NFC) Malaysia merosot pada separuh pertama tahun 2020. Keadaan ini disebabkan oleh gangguan yang ketara terhadap perniagaan dan permintaan yang lemah merentas kebanyakan sektor ekonomi susulan langkah sekatan pergerakan secara menyeluruh di Malaysia dan negara-negara lain bagi membendung penularan virus COVID-19. Walaupun perniagaan mulai pulih berikutan pelonggaran perintah kawalan pergerakan (PKP) secara beransur-ansur sejak bulan Mei, pemulihan adalah tidak sekata. Industri berkaitan pelancongan dan perkhidmatan[3] adalah antara industri yang paling terjejas akibat pandemik COVID-19. Pendapatan dalam sektor ini merosot dengan mendadak berikutan muatan penumpang masuk yang lebih rendah dan perbelanjaan untuk perkhidmatan bukan keperluan utama (*non-essential services*) yang berkurang. Sekatan terhadap perjalanan udara juga telah menjejaskan dengan ketara permintaan minyak sedunia, lantas mengganggu pemulihan syarikat dalam sektor minyak dan gas pada akhir tahun 2019. Baru-baru ini, sektor borong dan runcit telah menunjukkan pemulihan secara beransur-ansur berikutan pelonggaran sekatan pergerakan pasca-PKP. Peningkatan juga dicatatkan dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam segmen barangan elektrik dan elektronik (E&E) serta produk perubatan, yang meraih manfaat daripada pesanan yang tertunggak akibat PKP. Aktiviti dalam sektor harta tanah meningkat sedikit sejak beberapa bulan kebelakangan ini walaupun keadaan terus mencabar (untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian mengenai risiko dalam pasaran harta tanah).

Meskipun keupayaan membayar balik hutang[4] NFC secara keseluruhan menjadi lemah susulan kesan yang ketara daripada COVID-19, ia kekal melebihi tahap ambang kehematan.[5] Hal ini sekali gus mencerminkan kedudukan kewangan NFC yang agak kukuh sebelum berlakunya pandemik (Rajah 1.6 dan Gambar Rajah 1.1). Bilangan syarikat dengan ICR yang kurang daripada dua kali telah meningkat kepada 32.1% daripada jumlah syarikat awam yang tersenarai pada bulan Jun 2020 (Disember 2019: 28.1%) walaupun kedudukan mudah tunai[6] mereka bertambah baik sedikit berbanding suku pertama tahun 2020 kerana syarikat-syarikat itu telah menyimpan rizab tunai. Bilangan syarikat yang berisiko dijangka terus meningkat menjelang akhir tahun 2020 memandangkan lebih banyak perniagaan mungkin menghadapi kesukaran untuk membuat penyesuaian dengan keadaan operasi baharu.

Kesan pandemik ini adalah lebih ketara ke atas perusahaan kecil dan sederhana (PKS).[7] Kaji selidik menunjukkan bahawa dalam kalangan syarikat yang lebih kecil, banyak syarikat yang mempunyai penampan kewangan yang terhad dengan rizab tunai mereka hanya cukup untuk menampung perbelanjaan selama dua bulan atau kurang.[8] Tahap pendigitalan yang lebih rendah dalam kalangan PKS[9] juga telah

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[3] Termasuk syarikat penerbangan, pengangkutan darat, hotel dan restoran, pusat hiburan dan taman tema, pelancongan perubatan, ejen pelancongan dan perkhidmatan runcit.

[4] Seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR).

[5] Paras ambang kehematan bagi ICR ialah dua kali.

[6] Seperti yang diukur oleh median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, CASTD).

[7] Termasuk perusahaan mikro dan pemilik tunggal.

[8] Berdasarkan kaji selidik yang dilakukan oleh Persatuan PKS Malaysia pada hujung bulan Mac dan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA) pada hujung bulan April.

[9] Berdasarkan Kaji Selidik PKS Tahun 2018 yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, hanya 14% daripada PKS melaporkan mempunyai kehadiran dalam talian seperti kedai laman sesawang khusus dan akaun media sosial.

Gambar Rajah 1.1: Penunjuk Utama Sektor Mudah Terjejas Terpilih

	Berkaitan pelancongan	Borong dan runcit	Pembinaan	Harta tanah	Minyak dan gas
ICR (kali)	3.7	4.9	2.3	2.6	3.1
CASTD (kali)	1.0	1.2	0.5	0.5	0.8
CR (kali)	2.0	2.4	1.8	1.6	1.3
DE (%)	23.8	27.4	36.8	39.1	36.1
% daripada pinjaman bank kepada sektor perniagaan	7.0	18.1	14.5	17.7	1.1
Nisbah pinjaman terjejas (%)	2.2	1.6	2.6	2.0	3.6

Nota:

1. Sektor berkaitan pelancongan termasuk syarikat dalam sektor perkhidmatan berikut: syarikat penerbangan, pengangkutan darat, hotel dan restoran, hiburan dan taman tema, pelancongan perubatan dan ejen pelancongan
2. Nisbah kewangan yang berikut adalah berdasarkan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia sahaja: ICR: Nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ambang kehematan: 2 kali), CASTD: Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, ambang kehematan : 1 kali), CR: Nisbah semasa (*current ratio*), DE: Nisbah hutang kepada ekuiti (*debt-to-equity ratio*)

Sumber: Bank Negara Malaysia dan S&P Capital IQ

mengekang keupayaan mereka untuk beralih kepada platform e-dagang bagi meneruskan aktiviti perniagaan, terutamanya semasa fasa awal PKP. Beberapa langkah bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan institusi perbankan membantu banyak perniagaan untuk terus bertahan dan mengatasi kekangan kewangan sementara, walaupun keadaan perniagaan masih sangat mencabar dalam industri yang masih terjejas oleh sekatan sempadan antarabangsa (untuk maklumat terperinci berkaitan dengan pelbagai langkah yang telah diperkenalkan, sila rujuk rencana 'Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan').

Pelbagai langkah bantuan penting yang diperkenalkan telah mengekalkan nisbah pinjaman perniagaan terjejas pada tahap yang rendah dan stabil pada 2.5% untuk NFC secara keseluruhan (Rajah 1.7). Pada separuh pertama tahun 2020, dilaporkan terdapat hanya satu penurunan penarafan bon korporat domestik (2019: 7), yang mencakupi 0.03% daripada jumlah bon korporat dan sukuk yang dipegang oleh institusi kewangan. Walau bagaimanapun, institusi perbankan telah melaporkan peningkatan dalam bahagian

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

pinjaman perniagaan dengan risiko kredit[10] yang lebih tinggi (13.9%; 2019: 11.5%), lantas menunjukkan tanda-tanda bahawa perniagaan sedang menghadapi tekanan kewangan yang lebih besar. Langkah bantuan untuk meringankan beban hutang dan bantuan bersasar lain yang diberikan oleh institusi perbankan akan membantu perniagaan yang berdaya maju mengekalkan keupayaan pembayaran balik hutang dan mengelakkan berlakunya kes mungkir yang berleluasa. Bagi tempoh antara bulan April hingga Julai 2020, institusi perbankan telah

[10] Diklasifikasikan sebagai pinjaman Tahap 2 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

meluluskan sebanyak 6.3 kali lebih banyak permohonan daripada perniagaan untuk penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling & restructuring*, R&R) pinjaman mereka berbanding dengan jumlah dedahan R&R perniagaan terkumpul pada akhir tahun 2019. Walau bagaimanapun, prospek risiko kredit perniagaan akan terus bergantung terutamanya pada kadar dan kekukuhan pemulihan ekonomi.

Jumlah hutang terkumpul sektor NFC meningkat sebanyak 3.8% pada kadar tahunan kepada RM1.6 trilion atau 108.1% daripada KDNK setakat bulan Jun 2020 (Rajah 1.8). Hal ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman yang lebih rendah susulan pemberian moratorium dan peningkatan pinjaman modal kerja. Walau bagaimanapun, pinjaman baharu agregat yang dikeluarkan kepada NFC merosot (-3.4%) kerana permintaan terhadap pembiayaan menurun secara mendadak dan institusi perbankan menilai semula risiko sektor perniagaan. Dalam pasaran modal, risiko pembiayaan semula kekal rendah dengan sektor korporat terus berupaya untuk memperoleh dana pada tempoh ini. Walaupun terbitan bon kerajaan yang lebih besar pada masa hadapan boleh menghimpit keluar (*crowding out*) pendanaan korporat daripada pasaran hutang, sebahagian besar bon korporat yang matang tahun ini kekal mempunyai penarafan yang tinggi, lantas mengurangkan risiko pembiayaan semula. Hutang luar negeri sektor korporat meningkat sebanyak 4.9%, terutamanya didorong oleh peminjaman tambahan daripada syarikat-syarikat dalam sektor berkaitan minyak dan gas serta kesan penilaian berikutan nilai ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang utama dan serantau terpilih pada separuh pertama tahun 2020. Risiko pada kestabilan kewangan yang disebabkan oleh peminjaman luar negeri kekal terurus memandangkan sebahagian besar peminjaman adalah dalam bentuk jangka sederhana hingga jangka panjang dan dilindung nilai daripada dedahan terhadap pergerakan mata wang.

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang Syarikat Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Hutang Agregat



[...%] merujuk kadar pertumbuhan tahunan hutang agregat syarikat korporat bukan kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan perniagaan dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2020, sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur. Pelanjutan langkah bantuan kewangan bersasar bersama-sama dengan skim jaminan korporat dan PKS akan terus menyokong perniagaan tatkala pemulihan menjadi semakin kukuh. Prestasi pinjaman yang lebih jelas berikutan peralihan kepada bantuan pembayaran balik pinjaman yang lebih bersasar juga begitu penting untuk mengurangkan penghindaran risiko dan meningkatkan bekalan kredit semasa fasa pemulihan.

Walau bagaimanapun, kelemahan kekal ketara bagi sektor yang mungkin mengalami pemulihan yang lebih perlahan, terutamanya sektor berkaitan pelancongan dan industri perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch service industries*). Dalam sektor ini, sekatan sempadan dan sikap pengguna yang lebih berhati-hati terus mempengaruhi aktiviti perniagaan. Risiko jangkitan COVID-19 yang kembali meningkat juga boleh memberikan kesan kepada permintaan global. Sektor-sektor yang mungkin terus terjejas[11] ini mencakupi kira-kira 16% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Sistem perbankan dijangka kekal berdaya tahan terhadap peningkatan pinjaman terjejas yang ketara dalam keseluruhan perniagaan. Kerugian institusi perbankan dapat dikurangkan dengan ketara oleh obligasi bercagar dan kepelbagaian sumber pendapatan dalam kalangan peminjam yang lebih besar (untuk maklumat lanjut, sila rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan'). Pemantauan risiko kredit yang lebih rapi oleh institusi perbankan dengan tumpuan kepada peminjam dalam sektor yang lebih mudah terjejas juga dijangka dapat membendung peningkatan pinjaman yang terjejas dengan membolehkan perniagaan menjadualkan atau menstrukturkan semula hutang mereka lebih awal. Pada peringkat sistem perbankan, kira-kira satu perempat daripada pinjaman kini tertakluk pada pengawasan rapi.

[11] Khususnya, sektor pengangkutan dan penyimpanan, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, dan perkilangan.

Aktiviti pasaran perumahan merosot pada separuh pertama tahun 2020, manakala harta bukan kediaman mengalami kadar kekosongan melebihi purata dan hasil sewa yang lebih terjejas

Dalam segmen harta kediaman, harga rumah seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) terus mencatatkan pertumbuhan positif walaupun lebih perlahan, iaitu sebanyak 1.1% pada separuh pertama tahun 2020[12] (2019: 2.2%). Aktiviti pasaran menjadi lemah dengan ketara, dengan jumlah dan nilai transaksi jatuh secara mendadak pada tempoh itu (Rajah 1.9). Jumlah projek perumahan yang dilancarkan adalah lebih rendah pada suku kedua lantas melemahkan lagi aktiviti pasaran, dengan bilangan unit baharu mencakupi hanya kira-kira satu perlima (3,911 unit) daripada purata suku tahunan pada tahun 2019. Bilangan rumah tidak terjual kekal tinggi iaitu hampir 170,000 unit dengan sebahagian besarnya masih dalam pembinaan (67% daripada unit tidak terjual) atau berharga melebihi RM300,000 (73%).

Dalam segmen harta bukan kediaman, premis penginapan jangka pendek seperti hotel dan hotel bajet paling teruk terjejas akibat pandemik COVID-19. Hal ini kerana sekatan perjalanan mandatori dan penutupan sempadan, ditambah pula dengan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kesihatan dan kewangan, telah memberikan kesan yang teruk terhadap aktiviti perjalanan dan percutian. Kadar purata penginapan hotel jatuh menjunam ke paras yang sangat rendah pada 12% (purata sejarah 5 tahun: 61%), dengan banyak pengusaha hotel sama ada mengehadkan atau menutup operasi mereka. Berikutan pelonggaran terhadap perjalanan antara negeri di bawah PKP pemulihan (PKPP),[13] hampir 90% premis yang ditutup sementara pada bulan April 2020 dilaporkan telah kembali beroperasi pada akhir bulan Ogos.[14] Walau bagaimanapun, prospek kekal mencabar memandangkan sekatan perjalanan rentas sempadan sebahagian besarnya terus dikuatkuasakan.

[12] 1.9% pada suku pertama tahun 2020 dan 0.4% pada suku kedua tahun 2020 (anggaran awal).
[13] PKPB dan PKPP masing-masing dilaksanakan pada 4 Mei 2020 dan 10 Jun 2020, selepas Malaysia melaporkan kes COVID-19 baharu yang lebih rendah secara berturut-turut.
[14] Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Persatuan Hotel Malaysia pada bulan April dan Ogos 2020.

Kompleks beli-belah juga teruk terjejas akibat penurunan bilangan pengunjung semasa tempoh PKP dan pemulihan yang mengambil masa ketika tempoh PKP bersyarat (PKPB) dan PKPP yang berikutnya. Dalam keadaan lebihan bekalan dan perubahan sikap pengguna sejak tercetusnya pandemik, kadar sewa bagi pasaran harta komersial runcit mungkin akan terus terjejas pada tempoh yang akan datang. Tinjauan industri menunjukkan bahawa pemulihan bilangan pengunjung ke pusat beli-belah akan berlaku secara beransur-ansur, dan keadaan ini boleh mengambil masa antara 6 hingga 12 bulan disebabkan oleh sikap berhati-hati yang berterusan dan prosedur operasi standard (*standard operating procedures*, SOP) baharu.

Risiko pasaran harta tanah telah meningkat

Sementara itu dalam segmen ruang pejabat, kesan serta-merta daripada peningkatan pengaturan kerja yang fleksibel setakat ini secara relatif adalah tidak ketara, memandangkan kadar kekosongan bagi ruang pejabat utama di Lembah Klang hanya mencatatkan peningkatan yang sedikit. Bukti beranekdot menunjukkan bahawa perniagaan mungkin mengkaji semula keperluan ruang pejabat mereka apabila memperbaharui perjanjian sewaan dengan mengambil kira bilangan kakitangan yang lebih tinggi yang dijangka terus bekerja dari rumah serta keadaan penjarakan fizikal di tempat kerja. Keadaan ini boleh menjejaskan lagi kadar penghunian dan sewa pejabat (Rajah 1.10 dan 1.11).

Pandemik COVID-19 boleh meningkatkan risiko penurunan harga rumah yang lebih meluas berikutan kemerosotan pendapatan dan keadaan permintaan yang lemah. Hal ini seterusnya akan meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan memandangkan pinjaman untuk pembelian harta kediaman mencakupi sebahagian besar jumlah dedahan bank yang berkaitan dengan harta tanah (Rajah 1.12). Meskipun demikian, beberapa faktor dijangka mengurangkan risiko ini. Pertama, lebih 80% daripada pinjaman perumahan diberikan kepada rumah yang dihuni oleh pemilik, lantas mengurangkan dengan ketara kemungkinan peminjam gagal membayar balik pinjaman mereka. Kedua, sebahagian besar (85%) peminjaman untuk tujuan pelaburan dikaitkan dengan peminjam berpendapatan lebih tinggi yang mempunyai

Rajah 1.9: Pasaran Harta Tanah – Transaksi Perumahan



Rajah 1.10: Pasaran Harta Tanah – Kadar Penghunian Hotel dan Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Ruang Niaga



Rajah 1.11: Pasaran Harta Tanah – Sewa untuk Ruang Pejabat Utama dan Ruang Niaga Utama di Kuala Lumpur



Rajah 1.12: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah



Rajah 1.13: Pasaran Harta Tanah – Nisbah Pinjaman Terjejas bagi Pembiayaan Akhir Mengikut Segmen



Rajah 1.14: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Sistem Perbankan kepada Segmen yang Lebih Mudah Terjejas dalam Pasaran Harta Tanah



[1] Sewa purata kedai-kedai paling terkemuka di kompleks beli-belah utama
[2] Termasuk kedai, hotel, bangunan perindustrian, kilang dan tanah, kecuali ruang pejabat dan kompleks beli-belah

Sumber: Bank Negara Malaysia, JLL Malaysia, Jones Lang Wootton, Persatuan Hotel Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan Savills Malaysia

pendapatan lebih RM5,000 sebulan. Peminjam sedemikian lazimnya adalah lebih berdaya tahan terhadap kejutan pendapatan dan tidak mungkin menjual harta tanah mereka dengan harga yang merugikan, sekiranya mereka terus dapat membayar balik hutang. Ketiga, aktiviti spekulatif dalam pasaran perumahan terus lemah sejak beberapa tahun ini dengan harga dalam beberapa segmen telah berkurang dengan ketara berbanding dengan penilaian yang memberangsangkan pada masa lepas. Selain itu, pengurangan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) baru-baru ini dan pengenalan semula Kempen Pemilikan Rumah[15] (*Home Ownership Campaign*, HOC) akan terus memberikan sokongan kepada permintaan perumahan, terutamanya dalam pasaran utama. Hal ini dibuktikan oleh pemulihan yang kukuh dalam peningkatan permohonan pinjaman untuk pembelian harta kediaman pada bulan Jun (kadar pertumbuhan tahunan 20.0%; April: -72.1%), terutamanya dalam segmen mampu milik. Moratorium pinjaman secara automatik dan bantuan pembayaran balik pinjaman bersasar juga memberikan sedikit kelegaan kepada peminjam yang lebih mudah terjejas dan akan mengehadkan rampasan harta tanah (*property foreclosures*) yang boleh memberikan tekanan pada harga rumah. Dalam segmen harta tanah lain, dedahan bank kekal rendah dan sebahagian besarnya terus menunjukkan prestasi yang baik (Rajah 1.13 dan 1.14).

Sektor isi rumah dilindungi sebahagiannya oleh langkah-langkah bantuan daripada kesan buruk pandemik COVID-19

Secara agregat, kebanyakan isi rumah dijangka kekal berdaya tahan walaupun pandemik ini memberi kesan kepada pendapatan isi rumah dan prospek guna tenaga. Isi rumah terus mengekalkan tahap aset kewangan dan aset kewangan mudah tunai (*liquid financial assets*, LFA) yang selesa masing-masing pada 2.2 kali dan 1.4 kali hutang, berikutan langkah-langkah bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan Bank

Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

telah memberikan wang tunai tambahan kepada isi rumah. Sehubungan itu, pertumbuhan tahunan deposit isi rumah meningkat pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 7.0% pada akhir bulan Jun 2020 (2019: 4.6%)[16] (Rajah 1.15). Sementara itu, pertumbuhan hutang isi rumah[17] menjadi sederhana kepada 4.0% (2019: 5.5%) susulan sekatan pergerakan dan perbelanjaan bukan keperluan yang lebih rendah ekoran daripada isi rumah menjadi lebih berhati-hati (Rajah 1.16).

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[15] HOC telah diperkenalkan semula oleh Kerajaan pada bulan Jun 2020 hingga Mei 2021 bagi menyediakan insentif kewangan kepada pembeli rumah dalam bentuk pengecualian duti setem dan potongan harga rumah. Di samping itu, margin 70% dalam had pembiayaan yang dikenakan kepada pinjaman perumahan ketiga dan seterusnya untuk harta tanah bernilai RM600,000 dan ke atas telah dilonggarkan untuk tempoh yang sama, tertakluk pada amalan pengurusan risiko dalaman institusi kewangan.

[16] Sehingga kini, jumlah pembayaran tunai di bawah Bantuan Prihatin Nasional (BPN) ialah RM11.2 bilion melibatkan 10.6 juta penerima. Jumlah pengeluaran kumulatif di bawah i-Lestari dari bulan April hingga September berjumlah RM9.33 bilion, dengan 4.64 juta permohonan telah diluluskan.

[17] Diberikan oleh bank dan institusi kewangan bukan bank.

Hal ini dicerminkan terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih lemah untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan bermotor pada separuh pertama tahun 2020 (masing-masing pada 7.2% dan -0.9%; 2019: masing-masing pada 8.5% dan -0.4%)

Meskipun pertumbuhan hutang lebih perlahan, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK meningkat melebihi tahap tertinggi sebelumnya sebanyak 86.9% pada tahun 2015 kepada 87.5% pada bulan Jun 2020, disebabkan terutamanya oleh penguncupan KDNK nominal yang mendadak pada suku kedua (Rajah 1.17). Nisbah ini dijangka menurun apabila aktiviti ekonomi bertambah baik dan isi rumah menyambung semula bayaran balik pinjaman secara beransur-ansur. Walaupun paras hutang isi rumah kekal tinggi, mereka lazimnya masih meminjam mengikut kemampuan seperti yang dicerminkan oleh median keseluruhan nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) yang berhemat bagi pinjaman terkumpul dan pinjaman baharu yang diluluskan, masing-masing pada 35% dan 43% (2019: masing-masing pada 37% dan 43%).

Walau bagaimanapun, sesetengah isi rumah berdepan dengan tekanan kewangan yang lebih tinggi. Tahap leveraj isi rumah[18] meningkat paling tinggi dalam kalangan peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan pada separuh pertama tahun 2020. Hal ini berikutan prospek pendapatan yang semakin tidak menentu dan penampan mudah tunai untuk peminjam berpendapatan kurang RM3,000 yang sememangnya terbatas (Rajah 1.18). Leveraj yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam peminjaman bagi pembelian

Rajah 1.17: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

[18] Diukur sebagai nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan.

Rajah 1.18: Sektor Isi Rumah – Nisbah Leveraj dan Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Hutang



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

rumah pada awal tahun[19] dan pada bulan Jun selepas HOC diperkenalkan semula. Meskipun keadaan pasaran pekerja dijangka bertambah baik pada masa hadapan, peminjam berpendapatan tidak tetap dan/atau yang bekerja dalam sektor yang terjejas teruk oleh COVID-19, juga akan berdepan dengan cabaran yang berterusan. Bagi peminjam ini, bantuan bersasar[20] yang dilanjutkan hingga suku pertama tahun 2021 akan memberikan bantuan kewangan sementara selanjutnya, manakala langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti subsidi gaji, dan program latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) akan membantu dalam meningkatkan prospek guna tenaga dan prospek pendapatan pada masa depan. Hal ini seterusnya akan menyokong keupayaan pembayaran balik hutang.

Perkembangan penting pada separuh pertama tahun 2020 ialah peningkatan penyertaan runcit yang ketara dalam pasaran ekuiti yang menyaksikan pelabur runcit membeli saham tersenarai sebanyak RM113.1 bilion. Pemantauan oleh pihak BNM menunjukkan bahawa lonjakan dalam penyertaan runcit tidak dibiayai oleh peminjaman. Pinjaman yang dikeluarkan dan pinjaman terkumpul bagi pembelian saham termasuk margin pembiayaan kekal rendah dan pada amnya stabil sepanjang tempoh ini (Rajah 1.19). Pinjaman sedemikian terus mencakupi sebahagian kecil daripada keseluruhan hutang isi rumah (0.5%) dan pemberian pinjaman

[19] Didorong oleh Skim Rumah Pertamaku oleh Cagamas.

[20] Meliputi (i) moratorium pinjaman yang dilanjutkan selama 3 bulan dari bulan Oktober 2020 untuk para peminjam yang telah kehilangan pekerjaan; dan (ii) pengurangan ansuran bulanan bagi obligasi hutang setara dengan pengurangan pendapatan untuk enam bulan hingga bulan Mac 2021. Program bantuan ini telah diumumkan pada bulan Julai 2020.

bank kepada isi rumah (0.6%). Profil peminjam isi rumah dengan kemudahan margin saham juga tidak menunjukkan perubahan yang ketara dengan kebanyakannya kekal dalam segmen berpendapatan lebih tinggi dengan penampan kewangan yang lebih besar (Rajah 1.20).

Pandangan beranekdot menunjukkan bahawa sesetengah isi rumah menggunakan lebihan simpanan tunai daripada langkah-langkah bantuan dan simpanan sendiri untuk melabur dalam ekuiti. Hal ini boleh meningkatkan risiko kepada isi rumah melalui kesan terhadap keupayaan membayar balik hutang dan kesan kekayaan jika nilai ekuiti mengalami kejatuhan yang besar apabila isi rumah perlu menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka. Seperti yang dinyatakan di atas, risiko sedemikian dinilai sebagai rendah memandangkan pelabur runcit yang berleveraj lazimnya mempunyai penampan kewangan yang lebih tinggi. Jumlah pemegangan ekuiti oleh isi rumah sebagai bahagian daripada aset kewangan mudah tunai juga sebahagian besarnya kekal tidak berubah (Rajah 1.21). Berdasarkan analisis sensitiviti, kebanyakan isi rumah berupaya menghadapi kejutan pasaran ekuiti yang teruk seperti yang dialami semasa Krisis Kewangan Asia (Rajah 1.22).

Rajah 1.19: Sektor Isi Rumah – Pinjaman bagi Pembelian Saham Disebut Harga, Pembiayaan Peribadi dan Pembelian Saham di Pasaran Ekuiti



Rajah 1.20: Sektor Isi Rumah - Pinjaman Terkumpul bagi Pembelian Saham Disebut Harga Mengikut Kumpulan Pendapatan



[ ] menunjukkan % bahagian komponen kepada jumlah pinjaman saham disebut harga dalam sistem perbankan

Rajah 1.21: Sektor Isi Rumah - Aset Kewangan Mudah Tunai Mengikut Jenis



Rajah 1.22: Senario Sebelum dan Selepas Kejutan – Perlindungan Aset Kewangan Mudah Tunai Mengikut Kumpulan Pendapatan



BL: Dasar
Senario kejutan, S1: Kemerosotan 77% dalam nilai pemegangan ekuiti dan dana unit amanah harga berubah, berdasarkan kejatuhan 77% Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) pada tahun 1997

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Moratorium pinjaman secara automatik memberikan bantuan kewangan sementara dengan segera kepada kebanyakan isi rumah, terutamanya mereka yang kehilangan pekerjaan dan mengalami pengurangan pendapatan. Pada tahap tertingginya, hampir 90% peminjam isi rumah dengan kira-kira 87% daripada pinjaman isi rumah terkumpul dalam sistem perbankan menerima moratorium kerana kebanyakan peminjam memilih untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman bagi mendapatkan fleksibiliti yang lebih tinggi dalam mengurus aliran tunai mereka pada masa yang amat tidak menentu ini. Sebilangan besar peminjam ini berupaya untuk terus membayar balik hutang, jika mereka memilih berbuat demikian. Berdasarkan rangka kerja margin kewangan yang ditambah baik,[21] Bank menganggarkan bahawa peminjam isi rumah yang mungkin mengalami kesukaran (iaitu peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif) untuk membayar balik hutang akibat kejutan pendapatan dan pengangguran, tidak mungkin mencakupi lebih 15% daripada jumlah peminjam. Dalam kalangan peminjam ini, kira-kira 1% daripada jumlah peminjam dengan 3% hutang isi rumah terkumpul dijangka mungkir selepas mengambil kira penampan kewangan yang dimiliki dan bantuan pembayaran balik pinjaman secara bersasar yang diberikan kepada peminjam yang memerlukan. Kira-kira 40% daripada kes mungkir yang mungkin berlaku terdiri daripada hutang pinjaman perumahan dengan purata nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) sebanyak 70%, lantas mengehadkan dedahan kewangan kepada peminjam yang terjejas dan kerugian kepada sistem perbankan. Selain itu, seperti yang diterangkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2019, peminjam dengan ekuiti positif[22] berkemungkinan besar tidak akan mungkir untuk membayar balik pinjaman perumahan mereka. Bagi isi rumah dengan pendapatan dan penampan kewangan lebih rendah, langkah-langkah sokongan pendapatan kekal penting untuk mengelakkan kesukaran kewangan yang lebih teruk.

Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, lebih banyak peminjam telah menyambung semula pembayaran balik pinjaman mereka berikutan prospek pendapatan dan pekerjaan yang semakin jelas (Rajah 1.23). Kebanyakan peminjam yang menarik diri daripada moratorium pinjaman baru-baru ini adalah terdiri daripada

Rajah 1.23: Sektor Isi Rumah – Liputan Moratorium Pinjaman dalam Sistem Perbankan



* Tidak termasuk kad kredit

Sumber: Bank Negara Malaysia

mereka yang mempunyai pinjaman lebih besar dan berpendapatan tetap melebihi RM5,000 sebulan. Memandangkan kira-kira 70% daripada hutang isi rumah terdiri daripada pinjaman kadar terapung, keupayaan pembayaran balik hutang selepas moratorium akan disokong selanjutnya oleh obligasi hutang bulanan yang lebih rendah berikutan pengurangan OPR yang berturut-turut pada tahun 2020.

Walaupun moratorium secara automatik memberikan fleksibiliti kepada peminjam untuk menguruskan kewangan mereka, sebilangan besar yang menyambung semula pembayaran balik pinjaman berikutan prospek ekonomi yang lebih cerah

Dengan adanya moratorium secara automatik, nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen secara agregat kekal rendah masing-masing pada 1.0% dan 0.9% daripada jumlah hutang isi rumah terkumpul (2019: 1.2% dan 1.1%). Kualiti aset isi rumah dijangka merosot sedikit pada separuh kedua tahun 2020 dan sepanjang tahun 2021 selepas moratorium automatik berakhir. Walau bagaimanapun, institusi perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap kerugian kredit yang lebih tinggi (untuk maklumat lanjut, sila rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan'). Kualiti aset juga dijangka akan terus disokong oleh peralihan kepada langkah-langlah bantuan bersasar dan pemulihan beransur-ansur dalam prospek pendapatan dan pekerjaan.

[21] Sila rujuk Rencana Maklumat bertajuk 'Meramal Masa Isi Rumah akan Mungkir– Penambahbaikan pada Rangka Kerja Margin Kewangan' untuk maklumat lanjut.

[22] Ditakrifkan sebagai pinjaman terkumpul yang dipegang oleh peminjam adalah lebih rendah daripada nilai pasaran rumah berkenaan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana Maklumat bertajuk 'Adakah Isi Rumah Malaysia Mampu Menghadapi Kejutan Harga Rumah?' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2019.

RISIKO OPERASI

Tiada gangguan operasi yang timbul meskipun risiko operasi semakin ketara semasa pandemik dan institusi kewangan mengambil langkah tambahan untuk mengukuhkan pelan kesinambungan perniagaan

Pandemik yang berlaku telah membawa cabaran operasi baharu yang menguji ketangkasan pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*, BCP) institusi kewangan. Meskipun risiko operasi semakin ketara, institusi kewangan berjaya mengaktifkan BCP bagi membolehkan perkhidmatan kewangan yang penting terus disediakan kepada orang ramai dan pada masa yang sama melindungi kesihatan dan kesejahteraan kakitangan dan pelanggan (Gambar Rajah 1.2). Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung wabak COVID-19 juga telah mengenakan sekatan tambahan yang memerlukan institusi kewangan menyesuaikan operasi mereka dengan segera dan secara yang tidak pernah difikirkan sebelum ini dalam kebanyakan BCP (dihuraikan secara lebih lanjut di bawah).

Penubuhan segera saluran komunikasi berpusat antara Bank dengan industri sebelum PKP bermula adalah kritikal untuk menyelaraskan pelaksanaan langkah-langkah kesihatan secara berkesan dalam seluruh sektor kewangan. Saluran ini juga menyokong penyebaran maklumat penting tentang insiden risiko operasi dengan pantas sepanjang tempoh PKP. Hal ini membolehkan institusi kewangan mengambil langkah awal untuk melindungi kakitangan, pelanggan dan operasi mereka secara berterusan. Institusi kewangan kebanyakannya terus beroperasi mengikut masa pemulihan yang ditetapkan bagi operasi kritikal mereka, disokong oleh pertambahan sumber dan perhatian pihak pengurusan ke arah memastikan daya tahan sistem sepanjang tempoh PKP.

Gambar Rajah 1.2: Tindak Balas BCP Institusi Kewangan semasa Pandemik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun operasi kekal berdaya tahan, institusi kewangan terus mengambil tindakan selanjutnya untuk menambah baik BCP yang sedia ada bagi memasukkan langkah-langkah khusus untuk menangani kejadian pandemik:

i. **Persediaan menghadapi gangguan perniagaan yang berlarutan atau meluas**
BCP biasanya direka untuk bertindak balas terhadap gangguan yang berbentuk sama ada sementara atau terhad kepada beberapa lokasi, kemudahan atau sistem. Contohnya, gangguan yang disebabkan oleh kegagalan bekalan kuasa atau infrastruktur, serangan siber dan bencana alam. Walaupun sesetengah BCP memasukkan pandemik sebagai potensi senario, tidak banyak institusi kewangan menjangka gangguan operasi perniagaan yang mungkin timbul daripada beberapa gelombang pandemik akan menjejaskan seluruh negara dan dunia untuk tempoh yang lama. Misalnya, institusi kewangan menganggap bahawa operasi boleh terus berfungsi dengan berpindah kepada pusat pemulihan bencana (*disaster recovery centre*, DRC) dan dengan memastikan kakitangan dibahagikan antara pusat operasi dengan pusat pemulihan. Walau bagaimanapun, sekatan pergerakan yang dilaksanakan menerusi PKP di seluruh negara memaksa institusi kewangan untuk banyak bergantung pada pengaturan bekerja dari jarak jauh bagi menyokong operasi yang dibahagikan atau premis alternatif. Pada kemuncak pandemik, kakitangan yang bekerja dari rumah mencakupi sehingga 70% daripada jumlah tenaga kerja industri. Penguatkuasaan pengaturan bekerja dari jarak jauh dan jumlah ketidakhadiran kakitangan yang lebih tinggi disebabkan oleh langkah kuarantin turut menuntut pelarasan yang pantas terhadap proses perniagaan dan peningkatan keperluan IT tidak dirancang yang sepadan untuk bekerja dari jarak jauh. Oleh itu, institusi kewangan perlu mengkaji semula penilaian risiko masing-masing dalam senario pandemik. Tindakan ini adalah untuk mengenal pasti potensi impak terhadap sumber, kapasiti dan keupayaan IT institusi kewangan bagi menyokong pengaturan bekerja dari jarak jauh yang berskala besar serta peningkatan penggunaan perkhidmatan perbankan dalam talian untuk tempoh masa yang berpanjangan.

ii. **Tahap kesediaan untuk penutupan sepenuhnya ibu-ibu pejabat**
Walaupun secara umumnya BCP menggambarkan tentang kekangan institusi kewangan untuk mengakses premis utama mereka, beberapa institusi kewangan menghadapi masalah untuk mengalihkan seluruh operasi mereka ke premis lain dan/atau melaksanakan pengaturan kerja dari jarak jauh dengan cepat selepas lokasi ibu pejabat atau pejabat utama mereka dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Pengalaman tersebut menunjukkan perlunya usaha menambah baik rancangan kesinambungan terutamanya bagi mengekalkan kawalan yang berkesan terhadap fungsi penting yang secara umumnya bergantung pada kehadiran fizikal kakitangan seperti operasi perbendaharaan, pusat panggilan dan sokongan IT. Sebagai contoh, institusi kewangan sedang membangunkan kawalan alternatif untuk memastikan maklumat pelanggan dan maklumat sulit lain dikendalikan dengan selamat oleh pusat panggilan dan kakitangan perbendaharaan yang bekerja dari rumah. Mereka juga sedang menyediakan beberapa premis alternatif untuk kakitangan penting yang tidak dapat melaksanakan fungsinya secara kondusif dari rumah. Institusi kewangan juga perlu memastikan bahawa mereka menyimpan dan menyemak semula senarai aktiviti dan kakitangan penting mereka secara berkala, termasuk mengenal pasti dengan lebih awal kakitangan pengganti yang harus diberikan latihan praktikal secara berterusan bagi memastikan mereka sentiasa bersedia untuk melakukan aktiviti yang dikehendaki.

iii. **Kebergantungan kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang kritikal**
Pandemik yang berlaku menzahirkan keadaan kebergantungan industri kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk menyokong operasi perniagaan penting yang semakin meningkat ini. Hal ini tidak diambil perhatian dan ditangani secukupnya dalam BCP institusi kewangan. Sebagai contoh, bagi perniagaan insurans am, ajuster kerugian yang penting dalam menilai tuntutan kerosakan tidak dapat melakukan lawatan ke premis lantas menyebabkan proses tuntutan terganggu. Banyak vendor IT luar dan kakitangan sokongan tidak dapat memberikan sokongan teknikal tepat pada masanya akibat sekatan pergerakan. Hal

ini seterusnya meningkatkan risiko kegagalan sistem. Beberapa bank juga terpaksa mencatu pengeluaran kad kredit dan debit gantian kerana mereka tidak dapat menambah stok kad mereka. Institusi kewangan perlu mengkaji semula secara holistik pengaturan komunikasi dan penyelarasan dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga mereka yang sedia ada bagi mendapatkan jaminan tentang tahap kesediaan BCP entiti-entiti ini. Mereka juga perlu menilai kemampuan sendiri untuk memindahkan fungsi penting secara dalaman atau kepada penyedia perkhidmatan alternatif apabila perlu.

iv. Keteguhan Pusat Operasi Keselamatan

Dalam persekitaran kesalinghubungan yang pelbagai dan semakin meningkat dengan rangkaian korporat dalaman, institusi kewangan memerlukan Pusat Operasi Keselamatan (*Security Operations Centre*, SOC) yang mampu memantau kedudukan keselamatan teknologinya. Semasa pandemik, kesalinghubungan meningkat dengan nyata disebabkan terutamanya oleh kebergantungan yang semakin besar terhadap pengaturan kerja dari jarak jauh, bilangan peranti titik akhir (*end-point devices*) dan sambungan luar yang lebih tinggi, serta peningkatan jumlah transaksi kewangan dalam talian. Faktor-faktor ini telah mendorong institusi kewangan mengkaji semula kemampuan dan liputan pengawasan SOC. Bagi SOC yang dikendalikan oleh pihak ketiga, BCP juga perlu memasukkan rancangan luar jangka yang sesuai bagi memastikan pengawasan yang berterusan terhadap keselamatan siber dan titik akhir (*cyber and end-point security*).

Tidak ada peningkatan kerugian dan insiden risiko operasi, tetapi risiko yang timbul memerlukan pengawasan yang berterusan

Walaupun terdapat cabaran operasi yang timbul akibat pandemik dan PKP, kerugian risiko operasi pada amnya kekal stabil. Walau bagaimanapun, Bank dan institusi kewangan terus berwaspada terhadap risiko yang berkaitan dengan pelarasan operasi yang telah dibuat oleh institusi kewangan bagi mematuhi norma baharu penjarakan fizikal. Hal ini termasuk:

- Peningkatan dedahan kepada risiko serangan siber yang timbul daripada pelaksanaan pengaturan kerja dari jarak jauh dan kebergantungan yang lebih tinggi terhadap platform digital;
- Risiko kebocoran maklumat dan kecurian data daripada operasi yang dilakukan dalam persekitaran rumah;
- Kesilapan manusia berikutan jangkaan meningkatnya pengendalian pengecualian (*exception handling*) dan campur tangan manual untuk mengurangkan gangguan operasi. Komunikasi yang tidak berkesan semasa pembahagian operasi dan perubahan pada prosedur operasi standard juga boleh meningkatkan risiko kesilapan dan ketinggalan (*errors and omissions*); dan
- Potensi kakitangan terkena jangkitan di tempat kerja berikutan kehadiran kakitangan ke tempat kerja secara beransur-ansur dalam keadaan ancaman gelombang jangkitan COVID-19 yang seterusnya.

Sistem pembayaran dan penyelesaian mengekalkan kesinambungan operasi tanpa gangguan yang ketara

Sistem pembayaran Malaysia terus beroperasi dengan lancar tanpa gangguan yang ketara, dengan sistem pembayaran bernilai besar, iaitu Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (*Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System*, RENTAS)[23] dan sistem pembayaran runcit mengekalkan tahap ketersediaan sistem yang tinggi melebihi 99.9%. Pelaksanaan penambahbaikan pada sistem pembayaran yang selesai sebelum PKP telah mengurangkan lagi risiko gangguan. Hasilnya, bilangan insiden yang mengakibatkan gangguan terpencil pada RENTAS dan sistem pembayaran runcit menurun dengan ketara pada ST1 2020, masing-masing berkurang sebanyak 24% dan 43% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Meskipun terdapat peningkatan dalam transaksi pembayaran yang disebabkan antara lainnya, oleh

[23] RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

lonjakan kegiatan e-dagang dan pelaksanaan langkah Kerajaan seperti Bantuan Prihatin Nasional, kedua-dua sistem pembayaran RENTAS dan sistem pembayaran runcit dapat memenuhi peningkatan permintaan pada keupayaan maksimum.

BCP yang merangkumi pengaktifan pusat pemulihan, pelaksanaan pembahagian operasi antara pelbagai premis dan peningkatan keupayaan akses dari jarak jauh telah dilaksanakan secara berkesan oleh pengendali sistem pembayaran dan telah membolehkan operasi berjalan secara berterusan tanpa gangguan yang besar. Penyelarasan dan komunikasi yang mantap antara pengendali sistem pembayaran dengan peserta melalui pengaktifan Pasukan Pengurusan Krisis (*Crisis Management Team*, CMT) terus memastikan langkah-langkah pembetulan dapat dilaksanakan tepat pada masanya untuk mengurangkan risiko kemungkinan berlakunya gangguan. Sama seperti institusi kewangan, pengendali sistem pembayaran juga sedang menambah baik BCP mereka dengan mengambil kira iktibar serta pemahaman yang lebih mendalam akibat pandemik ini. Hal ini merupakan sebahagian daripada langkah-langkah berterusan yang diambil untuk memelihara kelangsungan operasi.